

Kad Debit CIMB PETRONAS Visa Pulangan Tunai 10% bagi Perkhidmatan Cuci Kereta
Terma-Terma dan Syarat-Syarat

1. “Kad Debit CIMB PETRONAS Visa Pulangan Tunai 10% bagi Perkhidmatan Cuci Kereta” (**“Kempen”**) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] (secara kolektif dirujuk sebagai “CIMB”).

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari 15 Oktober 2025 pada jam 12.00 pagi hingga 31 Oktober 2026 pada jam 11.59 malam, termasuk kedua-dua tarikh (**“Tempoh Kempen”**).
3. CIMB merizabkan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatkan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalender.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang kad Kad Debit CIMB PETRONAS Visa yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia (**“Pelanggan Layak”**).
5. Kempen ini juga terbuka kepada semua kakitangan baharu dan sedia ada CIMB (termasuk kakitangan kontrak dan percubaan). “CIMB” bermaksud kumpulan syarikat/entiti perundungan di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk muktamad kepada CIMB Bank yang mempunyai kepentingan kawalan, secara langsung atau tidak langsung, sama ada secara sendirinya atau melalui subsidiarinya.
6. Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai Kempen ini.

Mekanik Kempen

7. Pelanggan yang layak mesti memohon dan mengaktifkan Kad Debit CIMB PETRONAS Visa yang baharu atau sedia ada (**“Kad Layak”**); dan
8. Seterusnya, Pelanggan Layak mesti mengekalkan Baki Purata Bulanan (**“MAB”**) minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dalam Akaun CIMB CASA/-i dan DURIAN-i dalam Bulan Penyertaan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausus 19 di sini); dan
9. Baki Purata Bulanan adalah jumlah keseluruhan baki harian bagi bulan tersebut, dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan tersebut.

Baki Purata Bulanan (MAB)	<p style="text-align: center;"><u>Jumlah keseluruhan baki harian untuk bulan tersebut</u> Bilangan hari dalam bulan tersebut</p> <p>Contoh: bagi bulan Disember, MAB hendaklah dikira seperti berikut:-</p> <p style="text-align: center;"><u>Jumlah keseluruhan baki harian bagi bulan Disember</u> 31 hari</p>
--------------------------------------	--

10. Pelanggan Layak mesti melakukan transaksi (“**Transaksi Layak**”) (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11 - 14 di sini) dengan menggunakan Kad Layak mereka mengikut cara yang dijelaskan di bawah untuk memperolehi Pulangan Tunai (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 18 hingga 21 di sini).
11. Transaksi Layak terpakai kepada transaksi Kod Kategori Perniagaan berdasarkan rekod CIMB (“**MCC Layak**”) dan ditakrifkan seperti berikut:

MCC	Huraian	Contoh Perniagaan
		Malaysia
7542	Perkhidmatan Cuci Kereta	Baywash Auto Detailing Center, CARs International, Myride Autowash, Shine Shine, Velvet Sheen dan banyak lagi

12. Transaksi Layak bermaksud sebarang transaksi pembelian bagi perkhidmatan, termasuk transaksi tempatan dengan kad hadir (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 13), yang diluluskan oleh CIMB dan dicaj kepada mana-mana Kad Layak sepanjang Tempoh Kempen.
13. Transaksi tempatan dengan kad hadir (“**Kad Hadir**”) merujuk kepada transaksi yang dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM), di mana Kad dan Pemegang Kad berada secara fizikal di terminal titik jualan (POS) pada masa transaksi.
14. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi-transaksi berikut adalah dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak:
 - I. Pengeluaran wang tunai melalui apa-apa cara (cth. Mesin Juruwang Automatik (“**ATM**”), kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.); dan
 - II. Transaksi yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak berjaya, diperbalikkan, tidak dibenarkan, penipuan atau menyalahi undang-undang; dan
 - III. Apa-apa bentuk fi, kos dan caj bagi perkhidmatan serta fi, kos dan caj pelbagai yang dikenakan oleh atau ditanggung oleh CIMB berhubung dengan Kad Layak termasuk, tanpa had, caj pembiayaan, fi tahunan, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan; dan
 - IV. Transaksi Berulang (cth. Pengebilan Automatik).
15. Semua Transaksi Layak akan dijejaki secara automatik oleh CIMB bagi tujuan penjadualan berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakamkan oleh rekod transaksi CIMB sepanjang Tempoh Kempen. Penentuan CIMB mengenai apa yang membentuk Transaksi Layak hendaklah muktamad melainkan perkara yang sama yang kelihatan sebagai sangat tidak adil atau tidak saksama.
16. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan / ralat / kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Layak / pengeposan Transaksi Layak ke Akaun Kad Layak oleh PayNet (juga dikenali sebagai MyDebit), Visa, premis perniagaan / mana-mana pihak lain melainkan yang sama disebabkan oleh keingkaran sengaja atau kecuaian melampau CIMB.

Ganjaran Kempen

17. Butiran Pulangan Tunai 10% (“**Hadiah Kempen**”) adalah seperti yang ditakrifkan dalam Klausu 18 hingga 21 di sini.

18. Hadiah Kempen layak kepada Pelanggan Layak yang telah melakukan Transaksi Layak semasa Tempoh Kempen. Terdapat had jumlah Pulangan Tunai yang boleh diperolehi oleh Pelanggan Layak semasa Tempoh Kempen seperti yang ditakrifkan di bawah:

Pelanggan Layak layak memperolehi Pulangan Tunai sehingga Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dalam setiap Bulan Penyertaan dan memperolehi Pulangan Tunai sehingga Ringgit Malaysia Seratus Dua Puluh (RM120) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar tiba dahulu, layan dahulu.

19. Butiran Bulan Penyertaan, Tempoh Bulan Penyertaan dan Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai adalah seperti berikut:

Bulan Penyertaan	Tempoh Bulan Penyertaan	Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai
Bulan 1	15 Oktober 2025 - 30 November 2025	RM10,000
Bulan 2	1 Disember 2025 - 31 Disember 2025	RM10,000
Bulan 3	1 Januari 2026 - 31 Januari 2026	RM10,000
Bulan 4	1 Februari 2026 - 28 Februari 2026	RM10,000
Bulan 5	1 Mac 2026- 31 Mac 2026	RM10,000
Bulan 6	1 April 2026 - 30 April 2026	RM10,000
Bulan 7	1 Mei 2026 - 31 Mei 2026	RM10,000
Bulan 8	1 Jun 2026 - 30 Jun 2026	RM10,000
Bulan 9	1 Julai 2026 - 31 Julai 2026	RM10,000
Bulan 10	1 Ogos 2026 - 31 Ogos 2026	RM10,000
Bulan 11	1 September 2026 - 30 September 2026	RM10,000
Bulan 12	1 Oktober 2026 - 31 Oktober 2026	RM10,000
Jumlah Pulangan Tunai		RM120,000

20. Pelanggan Layak layak memperolehi Pulangan Tunai seperti yang ditakrifkan dalam Klausu 19 bagi setiap Bulan Penyertaan. Sila rujuk contoh di bawah: -

Pelanggan Layak	Baki Purata Bulanan (MAB)	Amaun Transaksi Layak	Pulangan Tunai 10%
A	RM1,000	RM50	RM5
B	RM500	RM100	RM0
C	RM1,500	RM300	RM10

21. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun CASA/-i dan/atau DURIAN-i Pelanggan Layak dalam lapan (8) minggu selepas setiap Bulan Kempen yang dinyatakan dalam Klausu 19. Pelanggan Layak hendaklah memaklumkan kepada CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas Tempoh Kempen (“**Tempoh Ditentukan**”) sekiranya Pulangan Tunai tidak dikreditkan. Sekiranya Pelanggan Layak tidak memaklumkan kepada CIMB dalam Tempoh Ditentukan, Pulangan Tunai tersebut akan dianggap telah berjaya dikreditkan.

22. Permintaan untuk mengkreditkan Pulangan Tunai ke akaun lain yang dikekalkan dengan CIMB atau mana-mana institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
23. Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai pengiraan dan/atau jumlah dan/atau pemenuhan Pulangan Tunai hendaklah konklusif. Penentuan tersebut tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun, melainkan kesilapan yang nyata. Pulangan Tunai tidak boleh ditukar ganti dengan hadiah atau ganjaran lain yang bernilai setara atau apa-apa alternatif lain dalam apa jua keadaan.

CIMB tidak menerima sebarang tanggungjawab ke atas sebarang implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Pulangan Tunai atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Pulangan Tunai kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pelanggan Layak. Ia adalah menjadi tanggungjawab setiap Pelanggan Layak untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai implikasi berpotensi yang mungkin timbul terhadap keadaan kewangannya sendiri.

24. Akaun Semasa/Simpanan/-i CIMB dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“**PIDM**”) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) bagi setiap pendeposit.
25. Akaun Pelaburan Tanpa Sekatan Harian-i (**“Akaun DURIAN-i”**) tidak dilindungi oleh PIDM.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

26. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
 - a. dikehendaki membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - c. mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d. membenarkan CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Pelanggan Layak kepada CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - I. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - II. kegagalan elektrik;
 - III. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - IV. apa-apa bencana alam (“*Act of God*”) di luar kawalan CIMB; atau
 - V. apa-apa faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB.

27. Pelanggan Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah Kempen akan dilucutahkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Hadiah Kempen:
- Pelanggan Layak telah memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan/-i CIMB serta Kad Debit CIMB Visa; atau
 - Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan/-i CIMB serta Kad Debit CIMB Visa telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan/-i CIMB serta Kad Debit CIMB Visa adalah delinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.
28. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ia tentukan telah:
- mengganggu penyertaan; dan/atau
 - bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
29. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalender kepada Pelanggan Layak melalui:
- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.
30. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- penyertaan atau kegagalan penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
 - sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") atau Mel Langsung elektronik ("eDM") oleh Pelanggan Layak
- melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkarang sengaja CIMB.
31. a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pelanggan Layak melalui:
- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

- b) Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat pada Pelanggan Layak dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- c) Sekiranya perubahan diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan (“Peraturan”) maka mereka akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d) Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
32. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
33. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada Pelanggan Layak:
- penyertaan dalam Kempen; dan/atau
 - penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah Kempen; dan/atau
 - kemungkinan atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
34. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
 - dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa bagi Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan/-i CIMB dan terma-terma dan syarat-syarat Debit CIMB Visa layak yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
35. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkenaan di mana CIMB tertakluk.
36. Jika CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak CIMB lain pada masa hadapan.
37. a) Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“CRU”) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon atau e-mel:
- Alamat: Unit Resolusi Pelanggan (CRU)
Peti Surat 10338,
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
- No. Telefon: 603 6204 7788

E-mel: contactus@cimb.com

b) CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.